



Malaysian Journal of Social Sciences and Humanities (MJSSH)

Volume 5, Issue 2, February 2020

e-ISSN : 2504-8562

Journal home page:
www.msocialsciences.com

Keperluan Dokumentasi Penyusuan Anak Susuan dalam kalangan Masyarakat di Malaysia

Dhamirah Nursakinah Mohamad Safir¹, Siti Fatimah Salleh¹, Halimatus Saadiah Mohamad Safir¹

¹Faculty of Islamic Contemporary Study, Universiti Sultan Zainal Abidin (UniSZA)

Correspondence: Dhamirah Hursakinah Mohamad Safir (dhamirahnursakinah@yahoo.com)

Abstrak

Realiti yang berlaku pada hari ini berkaitan dengan keperluan pengurusan dokumentasi penyusuan anak susuan sangat diperlukan ekoran berlakunya pengambilan ibu susuan yang melibatkan jarak yang jauh serta faktor inovasi dalam sains dan teknologi. Penyusuan yang berlaku secara tidak langsung menyebabkan bayi dan ibu susuan saling tidak mengenali antara satu sama lain bahkan boleh juga terjadi ibu bapa bayi tersebut tidak mengenali ibu susuan anak mereka. Hal ini demikian kerana, perhubungan antara ibu susuan dan keluarga bayi hanya berlaku di alam maya, dan susu ibu hanya dipos mengikut permintaan keluarga bayi yang memerlukan susu ibu sehingga teretusnya hubungan nasab iaitu anak susuannya. Proses pengumpulan data dilakukan melalui kaedah perpustakaan dan kaedah temu bual. Hasil pengumpulan data kajian, menunjukkan keadaan ini semakin membimbangkan apabila masyarakat yang mengamalkan budaya penyusuan anak susuan tidak mengambil tahu impak penyusuan terhadap anak susuan. Kajian ini adalah untuk mendidik dan memberikan kesedaran kepada masyarakat berkenaan dengan kepentingan dalam mengendalikan pengurusan dokumentasi penyusuan anak susuan. Pendokumentasian ini akan menjadi bukti penyusuan anak susuan dalam usaha menjaga nasab susuan selaras dengan perubahan sosial yang berlaku. Tidak adanya pengurusan dokumentasi penyusuan yang mensabitkan mahram susuan akan membawa kepada perkahwinan sesama mahram. Hasil kajian ini, menunjukkan terdapatnya keperluan dan perhatian dari pihak berkuasa dalam usaha untuk mendokumentasikan penyusuan anak susuan ini secara rasmi. Selain itu, kajian ini secara tidak langsung dapat mendidik masyarakat supaya cakna dalam mengendalikan dokumentasi penyusuan anak susuan.

Kata kunci: keperluan, dokumentasi, penyusuan anak susuan, masyarakat

The Needs of Breastfeeding Documentation for Breastfed Child in Malaysia Society

Abstract

Today's reality regarding the needs of breastfeeding documentation management is greatly essential due to long distance adoption and innovation in science and technology. Indirect breastfeeding cause infants and breastfeeding mothers did not know each other and baby's parents can't recognize their baby's breastfeeding mother. This is because the relationship between breastfeeding mother and the baby's family only takes place through cyber world and breast milk is only posted on demand according to the baby's needs. The process of collecting data was done through library and interview methods. The findings show a very worrying situation which community that involved in the breastfeeding culture are not aware about the impact to the breastfed child. The purpose of this

study is to educate and inform the public about the importance of managing breastfeeding documentation management. The documentations will act as evidence of breastfeeding in order to control breastfeeding lineage according to the social changes. The absence of breastfeeding documentation management regarding mahram status will lead to the marriage between fellow mahram. The results of this study indicate that there is a need and concern from the authorities in form of effort to document this breastfeeding documentation formally. In addition, this study indirectly educates the public to practice managing breastfeeding documentation.

Keywords: needs, documentation, breastfeeding, community

Pengenalan

Pengambilan anak susuan di Malaysia kini semakin meningkat disebabkan timbulnya kesedaran dalam kalangan masyarakat mengenai kepentingan dan kelebihan yang terkandung di dalam susu ibu. Menurut Zanariah et.al (2018), susu ibu adalah makanan terbaik buat bayi berbanding makanan yang diproses. Salah satu hak seorang anak setelah dilahirkan adalah hak untuk mendapatkan penyusuan dari ibunya sebagai makanan untuk membantu pertumbuhan dan perkembangan bayi kerana susu ibu banyak mempengaruhi dan membekalkan nutrisi kepada anak (Nanang Rokhman Saleh, 2012). Selain itu juga, susu ibu turut mempunyai kelebihan dalam menjadi sumber makanan utama yang paling lengkap dan terbaik untuk seorang bayi. Kajian yang dijalankan oleh Taqwa (2012) terbukti susu ibu mempunyai khasiat dan kualiti yang sangat tinggi, yang tidak mampu ditandingi oleh susu lembu atau susu formula kerana ia tidak mengandungi antibodi, enzim dan sel rintangan jangkitan kuman. Melalui penulisan Danial Zainal Abidin (2014) di dalam bukunya ada menyebut berkenaan dengan kelebihan susu ibu menurut perspektif al-Qur'an. Dalam penulisan beliau juga ada mendedahkan tentang persamaan dapatan kajian yang dinyatakan oleh ahli sains pada hari ini dengan ayat-ayat al-Qur'an berkenaan dengan kelebihan yang terdapat di dalam susu ibu.

Melihat kepada kelebihan itulah, masyarakat mula mengambil tindakan dengan menjadikan ibu susuan sebagai pelengkap kepada penyusuan bayi melalui pelbagai cara dan keadaan. Antaranya adalah isu bayi pramatang, mereka mengalami beberapa masalah seperti kekurangan dalam sistem pencernaan yang boleh mengakibatkan penyakit necrotising enterocolitis (NEC) iaitu masalah pada usus dan dapat dikurangkan sebanyak lima kali ganda dengan pengambilan susu ibu yang sihat. World Health Organization (WHO, 2011) menetapkan supaya dalam keadaan ibu kandung tidak dapat menyusukan anaknya, alternatif pertama ialah susu ibu daripada sumber yang lain. Manakala kajian yang dilakukan oleh Maria dan Nicolas (2019), turut menerangkan kelebihan yang terdapat di dalam susu ibu dapat membantu perkembangan bayi pramatang berbanding susu formula yang lebih sukar untuk dihadam serta kebimbangan kepada risiko terjadinya masalah usus yang teruk. Menurut Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (2012), bagi memenuhi keperluan bayi pra-matang yang memerlukan rawatan, juga ibu yang mempunyai kekurangan susu atau mempunyai penyakit kronik/berjangkit dan tidak dapat menyusukan bayi, adalah harus bagi ibu-ibu menderma susu ibu secara sukarela kepada bayi-bayi yang memerlukan dan keluarga bayi serta penderma perlu mengenali antara satu sama lain.

Selain itu juga, menurut Siti Fatimah et. al (2015) pengambilan suntikan hormon sintetik dalam menghasilkan air susu menjadi realiti dan mendapat sambutan dalam kalangan wanita yang ingin mengambil anak angkat atau isteri yang tidak mempunyai zuriat hasil dari perkahwinan mereka. Hal ini juga turut dijelaskan dalam agama Islam ada membenarkan wanita yang tidak melahirkan anak tetapi mengambil anak angkat, untuk menyusukan sendiri anak tersebut dengan bantuan rawatan perubatan (Jabatan Kemajuan Islam Malaysia, 2012). Terdapat juga, dalam kalangan ibu yang mempunyai kelebihan air susu memberikan air susu mereka kepada keluarga bayi yang memerlukan. Niat murni yang dilakukan oleh wanita yang mempunyai kelebihan susu dengan memberikan susu tersebut kepada bayi yang memerlukan dengan meletakkan beberapa syarat antaranya termasuklah menyimpan salinan surat beranak bayi berkenaan supaya dapat mengelak perkara berbangkit pada masa depan (Suraya dan Mahaizura, 2018).

Apabila berlakunya penyusuan susu ibu oleh wanita kepada bayi lain selain anak kandungnya sudah pasti akan wujud implikasi disebabkan penyusuan susu ibu tersebut. Amalan ibu susuan menurut Norita et.al (2017) akan memberi implikasi kepada perbincangan hukum syarak berkaitan ibu, bapa, anak, tempoh penyusuan dan kaedah serta isu-isu yang berbangkit seperti penyusuan di tempat awam (nursing in public) dan derma susu, serta kesan yang melibatkan perkahwinan, aurat, hak dan tanggungjawab dan upah penyusuan kepada ibu yang menyusukan serta pelbagai lagi aspek hukum yang menjadi permasalahan dalam penyusuan ini. Menurut Normadiyah et al (2012), penyusuan dalam Islam bukan hanya melihat kepada kesan positif kepada tumbesaran kanak-kanak, tetapi juga mempunyai kesan dalam mensabitkan nasab kanak-kanak kepada ibu susuannya.

Sebagaimana kajian oleh Zanariah et. al (2017), berkenaan dengan kesan penyusuan terhadap anak-anak susuan dari aspek aurat, nasab dan perkahwinan. Hasil kajian menunjukkan masyarakat berada pada tahap kesedaran yang sangat baik dan cakna serta sedar mengenai hukum-hukum penyusuan berhubung dengan anak susuan. Menurut Siti Fatimah (2015) seseorang perempuan yang menyusukan anak seseorang yang ajnabi iaitu bukan anaknya, akan menjadikan anak tersebut sebagai anak susuan dan diharamkan beliau mengahwini anak tersebut termasuk suami beliau serta keturunan ibu susuan yang haram dikahwini ialah adik-beradik ibu susuan, anak ibu susuan, cucu perempuan ibu susuan dan ibu kepada ibu susuan. Kemudian diikuti pengharamannya dengan adik-beradik bapa susuan, anak perempuan bapa susuan walaupun dengan isteri yang lain, cucu perempuan bapa susuan dan Ibu kepada bapa susuan. Oleh yang demikian, disebabkan wujudnya mahram susuan menurut Normadiyah et. al (2015) hal yang membolehkan mahram susuan berdua-duaan, harus melihat keturunan susuannya dan boleh bermusafir bersama.

Realiti hari ini, penyusuan anak susuan sudah semakin menjadi amalan masyarakat di Malaysia apabila terdapat kes yang berlaku kepada seorang bayi yang mempunyai tiga orang ibu susuan di dalam satu masa. Keadaan ini berlaku apabila ibu kandung bayi berkenaan koma ketika di awal kehamilan dan bayi dalam kandungan terus membesar dengan normal sehingga dilahirkan melalui pembedahan serta sejak dari kelahiran bayi itu langsung tidak menerima susu ibunya (Siti Rohana, 2019).

Dokumentasi Penyusuan Anak Susuan

Melihat kepada berlakunya amalan penyusuan anak susuan menuntut kepada keperluan kajian berkenaan dengan kepentingan dalam mendokumentasikan penyusuan anak susuan kepada masyarakat islam di Malaysia. Kajian yang dijalankan oleh Siti Fatimah et. al (2014), menunjukkan bahawa mendokumentasikan bukti penyusuan oleh badan-badan tertentu seperti Jabatan Pendaftaran Negara adalah satu langkah yang sangat penting dalam mengharmonikan lagi sistem keluarga Islam. Peranan dari pelbagai pihak dalam usaha untuk mengetengahkan kepentingan dokumentasi penyusuan anak susuan diteruskan lagi dengan saranan dari bahagian Pejabat Mufti Wilayah Persekutuan di dalam Bayan Linnas Siri Ke-70: Isu Berkenaan Ibu Susuan & Pelbagai Hukum (Kad Atau Sijil Susuan). Cadangan dari Zulkifli (2016) agar Majlis Agama Islam Negeri, atau Jabatan Agama Islam Negeri dan juga Hospital berkerjasama untuk mengumpulkan data ibu yang memberi susu kepada bayi-bayi selain kepada anaknya supaya dapat didaftarkan. Seterusnya dapat disediakan kad atau sijil sabitan penyusuan untuk masa depan anak tersebut agar tidak berlaku kecelaruan nasab dan perkahwinan dengan susuannya atau orang yang diharamkan kahwin dengan sebab susuan. Selain itu, setiap penderma susu hendaklah ditulis pada botolnya nama ibu yang menyumbangkan. Jumlah bilangan lima kali kenyang akan mensabitkan hubungan anak dan ibu susuan tersebut mengikut pendapat yang masyhur dan muktamad.

Jabatan Agama Islam (Selangor) JAIS dalam usaha memperkenalkan 'Kad Susuan' sebagai kaedah menangani perkahwinan tidak sah membabitkan adik-beradik susuan di negeri Selangor. Kaedah ini dicadangkan dalam perlaksanaan bagi mengekang permasalahan membabitkan perkahwinan susuan tanpa sedar dalam kalangan masyarakat (Ermizi,2017). Rentetan itu, tindakan awal yang dilakukan oleh Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) di dalam mendokumentasikan penyusuan anak susuan perlu dijadikan contoh kepada pejabat agama seluruh negeri di Malaysia. Selangor menjadi negeri pertama melaksanakan perkhidmatan pendaftaran Kad MyRadha'ah (susuan) khas untuk ibu dan anak susuan,

menerusi Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) yang bertujuan mengelakkan masalah kekeliruan nasab atau keturunan. inisiatif itu supaya tidak berlaku perkahwinan melibatkan adik beradik susuan selain menjaga keturunan orang Islam melalui nikah yang sah (Bernama, 2018). Masyarakat perlu sedar berkenaan dengan kepentingan pembentukan dokumentasi penyusuan anak susuan sebagaimana pelaksanaan yang telah dijalankan di Negeri Selangor. Pendokumentasian ini adalah satu sistem rekod maklumat berkenaan dengan anak dan ibu susuan yang diperkenalkan supaya boleh membantu pasangan yang mahu berkahwin untuk membuat semakan pertalian saudara susuan sebelum memohon kebenaran berkahwin, di pejabat agama Islam daerah.

Hasil kajian terkini oleh Siti Fatimah dan Halimatus Saadiah (2017), menunjukkan bahawa pengendalian dokumentasi secara rasmi bagi amalan penyusuan anak susuan belum dikuatkuasakan oleh pihak berwajib. Jika perkara ini berterusan tanpa pengawasan oleh pihak berwajib, perkara ini akan menimbulkan suasana tidak harmoni dalam kelangsungan hidup masyarakat Islam. Keadaan ini menyebabkan berlakunya implikasi wujud kekeliruan dalam pensabitan nasab sekaligus mengganggu keharmonian dalam sesebuah institusi kekeluargaan Islam jika tidak diwujudkan intervensi awal dalam pendokumentasian penyusuan anak susuan (Siti Fatimah, 2014).

Siti Fatimah (2019) menjelaskan berkenaan dengan isu pengambilan ibu susuan dengan mendokumentasikan pembuktian bertujuan menjelaskan konsep penyusuan dalam menentukan mahram susuan. Alternatif ini perlu dijadikan keutamaan dalam membuktikan pengambilan anak susuan secara rasmi bagi menjamin keharmonian masyarakat Islam. Selain dokumentasi secara manual yang diuruskan di pejabat, pihak berkuasa juga boleh merekodkan data secara mudah cepat dan pantas melalui pendaftaran rasmi secara atas talian, hal ini kerana, kaedah ini mampu memberikan kemudahan dan keselesaan kepada masyarakat luar Bandar untuk mengakses pautan dalam jaringan yang telah disediakan oleh pihak berkuasa semasa mengendalikan pengurusan dokumentasi penyusuan anak susuan (Siti Fatimah dan Halimatus Saadiah, 2017).

Keperluan Dokumentasi Penyusuan Anak Susuan

Dalam situasi kontemporari ini, terdapat keperluan di dalam pengurusan pendokumentasian penyusuan anak susuan dalam kalangan masyarakat. Hal ini kerana, tidak tepat dinafikan perkara yang menjadi keutamaan dan diberi perhatian apabila terlibat dengan penyusuan anak susuan adalah menyimpan rekod sendiri berkenaan maklumat anak susuan. Hal ini bukan sahaja kepada kes ibu yang mempunyai ramai anak susuan, malah kepada ibu dan bapa susuan yang mempunyai anak susuan walaupun seorang. Catatan berkenaan dengan nama bayi, nombor surat beranak, nama ibu bapa kandungnya, alamat dan lain-lain maklumat yang dirasakan berkaitan. Sebaiknya, dokumen ini turut ditandatangani saksi. Ini penting untuk mencegah hubungan terlarang di masa depan (Intan Mas, 2019).

Kajian oleh Siti Fatimah & Halimatus Saadiah (2017), berkenaan dengan pengendalian dokumentasi amalan penyusuan anak susuan dalam kalangan ibu susuan perlu dipantau oleh pihak berkuasa secara rasmi. Amalan penyusuan menjadi kebiasaan dalam kalangan wanita kini dan ianya juga dibenarkan dalam Islam. Disebabkan amalan ini, proses pengendalian dokumentasi penyusuan anak susuan perlu dipandang serius bagi merealisasikan perkara asas dalam memelihara nasab kekeluargaan. Hal ini demikian kerana, pengambilan ibu susuan akan memberi kesan dalam beberapa aspek hukum syarak, terutamanya dalam hubungan kekeluargaan. Menurut Siti Fatimah (2014), proses pengendalian dokumentasi penyusuan dalam kalangan ibu susuan dan penjaga anak susuan perlu dikenalpasti bagi membentuk institusi kekeluargaan yang sejahtera.

Menurut laporan Hidayah (2018), Kelab Sokongan Penyusuan Susu Ibu Johor Bahru (KSPSIJB) telah mewujudkan pangkalan data ibu dan anak susuan dalam usaha mendokumentasikan penyusuan anak susuan bagi menjaga keturunan untuk mengelak kekeliruan hingga berlaku perkahwinan dalam kalangan adik-beradik susuan. Selain itu juga, Kaunselor Laktasi Bertauliah, Kelab Sokongan Penyusuan Susu Ibu Johor Bahru (KSPSIJB), Farhana Ahmad Abdul Garni, berkata sebagai pertubuhan bukan kerajaan (NGO) persatuan turut menyediakan pangkalan data untuk semua ahlinya, manakala ibu susuan dan keluarga bayi disusu juga bertanggungjawab menyimpan maklumat, selain

salinan dokumen penting, antaranya surat beranak bayi dan kad pengenalan ibu dan bapa. Ibu yang ingin memberi stok susu atau menjadi ibu susuan dan ibu atau keluarga yang mahu mencari ibu susuan perlu mengisi borang disediakan dalam talian. Hal ini jelas menunjukkan, peranan pihak berkuasa dalam menguruskan dokumentasi penyusuan anak susuan sudah menjadi satu keperluan dan kewajipan.

Kewujudan Kad MyRadha'ah di bawah seliaan Jabatan Agama Islam Selangor (JAIS) menjadi satu langkah awal yang bertujuan untuk merekodkan pendaftaran anak dan ibu susuan supaya anak susuan itu tidak berkahwin dengan saudara sesusuan selain memperkenalkan identiti mereka serta menjaga keturunan umat Islam melalui proses nikah yang sah. Kad tersebut merupakan projek perintis dan anak susuan boleh mendaftar sekiranya telah mematuhi syarat yang ditetapkan dan Kad MyRadha'ah itu boleh digunakan dalam borang perkahwinan sebagai semakan pada masa akan datang (Ruwaida, 2018). Keperluan dokumentasi dapat diperkukuhkan lagi apabila kajian yang dijalankan oleh Noraida Ramli et al (2010) mengesyorkan bahawa setiap penderma dan bayi yang mendapat susu tersebut harus direkodkan secara teliti. Seterusnya pihak yang menderma susu serta ibu bapa bayi yang mendapat susu melalui bank susuan perlu dimaklumkan dan diberikan maklumat secara terperinci. Hal ini kerana, Walaupun secara prinsipnya, Islam mengharuskan pendermaan susu atau bank susu, prosedur-prosedur pemberian susu tersebut haruslah dilakukan dengan cermat dan teliti bagi mengelakkan percampuran nasab atau perkahwinan terlarang antara saudara susuan.

Material Dan Kaedah

Kajian ini secara umumnya bersifat kualitatif dan proses pengumpulan data yang digunakan adalah melalui buku-buku lain seperti jurnal, kertas-kertas kerja persidangan, tesis dan disertasi juga turut dikumpulkan data dan maklumat. Proses pengumpulan data dilakukan berdasarkan melalui kaedah perpustakaan dan kaedah temu bual.

Kaedah Perpustakaan

Bagi kaedah perpustakaan, pengkaji mengumpul seberapa banyak mungkin dalam mencari dan memenuhi kajian dalam pengumpulan maklumat. Kaedah ini digunakan dengan meneliti bahan bacaan seperti buku-buku serta Penerokaan di laman sesawang juga turut dilakukan bagi mendapat data-data yang berkaitan dengan pendokumentasian penyusuan anak susuan.

Kaedah Temu bual

Manakala, temubual dilakukan secara bersemuka bersama responden kajian bagi mendapat maklumat yang jelas dan ketepatan dalam mengumpulkan maklumat. Data temubual diperolehi secara rakaman dan sebahagiannya diperolehi secara bertulis dari informan. Data yang berbentuk rakaman ditukar bahasa secara transkripsi. Seramai 5 orang responden dipilih dalam membantu kajian pengkaji. Proses ini akan dapat memantapkan lagi data yang diperolehi dan ia juga dapat membantu pengkaji dalam memperolehi data.

Bagi mendapatkan analisis data yang tepat, kajian ini akan menggunakan beberapa kaedah yang menjadi amalan dalam sesebuah penyelidikan atau kajian akademik, ianya adalah metod Komparatif. Metod ini adalah membantu dalam membuat kesimpulan dan perbandingan terhadap data-data yang diperolehi. Segala data, fakta dan pendapat yang berkenaan dikumpulkan dan dianalisis sebagai perbandingan untuk melihat hasilnya.

Hasil dan Perbincangan

Hasil temu bual yang dijalankan, kajian mendapati terdapat beberapa bentuk kaedah dalam pengurusan dokumentasi penyusuan anak susuan yang diamalkan oleh masyarakat secara tidak rasmi. Ia boleh dikategorikan dalam tiga kumpulan, sebagai mana di bawah:

Pengurusan dokumentasi anak susuan melalui verbal

Responden menguruskan dokumentasi penyusuan hanya melalui kaedah penyampaian secara verbal iaitu hanya memberitahu secara lisan kepada ahli keluarga berkenaan dengan perihal penyusuan anak susuan. Kaedah penyampaian ini dilakukan supaya ahli keluarga dapat menyebarkan kepada sesama ahli keluarga yang lain berkenaan dengan maklumat anak susuan. Kedua-dua pihak ibu kandung dan ibu susuan hanya menyimpan maklumat secara verbal yang membantu mereka menyampaikan maklumat tersebut secara berterusan kepada lapisan ahli keluarga.

Kaedah ini sangat membimbangkan kerana, ianya akan memberikan perkhabaran yang kurang jelas dan kukuh kerana hanya menggunakan maklumat secara penyampaian lisan tanpa membuktikan pendokumentasian tersebut. Oleh itu, terdapat kepentingan dalam pengurusan penyusuan anak susuan dalam mengatasi kesilapan dan ketidakpastian maklumat.

Pengurusan dokumentasi anak susuan melalui dokumen

Kaedah ini pula dilakukan menerusi dokumen yang melibatkan pengenalan diri anak susuan, ibu dan bapa kandung, ibu dan bapa susuan. Dokumen yang melibatkan surat kelahiran bayi akan diserahkan oleh ibu dan bapa kandung kepada ibu susuan sebagai bukti telah menyusukan bayi tersebut. Sebaliknya pula, ibu susuan akan menyerahkan salinan pengenalan diri sebagai bukti telah menyusukan bayi tersebut.

Pengurusan dokumentasi anak susuan melalui akuan sumpah

Manakala kaedah ini turut dilakukan oleh responden dalam membuktikan pendokumentasian penyusuan anak susuan. Ibu dan bapa kandung serta ibu susuan akan membentuk satu akuan sumpah sebagai pembuktian telah berlakunya penyusuan ke atas bayi susuan.

Hasil daripada kajian ini melihat kepada perlunya mewujudkan satu aplikasi dalam pengurusan dokumentasi penyusuan anak susuan yang dikenali sekali aplikasi e – Anak susuan (e –AS). Aplikasi e - Anak Susuan (e-AS) merupakan aplikasi telefon pintar mudah alih dan mesra pengguna, bermatlamat untuk mendokumentasi maklumat anak susuan, ibu susuan dan saudara susuan ekoran trend pengambilan anak susuan. e-AS mampu memberi pendedahan dan pendidikan awal kepada masyarakat tentang anak susuan, serta pendedahan tentang kepentingan dan keperluan dokumentasi anak susuan.

Aplikasi e-as mampu menyelesaikan isu agama di peringkat Nasional dan Antarabangsa, isu komuniti muslim di seluruh dunia, isu perkahwinan sesama mahram, isu sosial yang melibatkan pergaulan, isu ibadat seperti wudhu', aurat, mahram haji dan umrah, isu pengurusan dan pentadbiran iaitu pelengkap dokumen permohonan haji dan umrah dan platform interaksi antara mahram susuan. e-AS akan diperkenalkan kepada pejabat agama Islam negeri bagi tujuan pelaksanaan secara rasmi. Aplikasi ini adalah satu sistem yang mampu menyimpan maklumat yang telah didaftar oleh pengguna dan turut beroperasi untuk mencetak sijil anak susuan yang akan disahkan oleh pendaftar daerah di Pejabat Agama negeri.

Kewujudan intervensi pengurusan dokumentasi penyusuan anak susuan ini menerusi aplikasi e – as adalah untuk menyelesaikan isu agama di peringkat Nasional dan Antarabangsa, Menyelesaikan isu komuniti muslim di seluruh dunia, menangani isu perkahwinan sesama mahram, menangani isu sosial: pergaulan, menangani isu ibadat: wudhu', aurat, mahram haji dan umrah, pelengkap dokumen permohonan haji dan umrah bagi jemaah wanita, pembentukan enakmen dokumentasi anak susuan.

Persediaan terhadap pengurusan dokumentasi penyusuan anak susuan adalah ke arah mewujudkan komuniti kekeluargaan islam yang sejahtera menerusi aplikasi e - Anak Susuan (e-AS) dan Sijil Anak Susuan ini adalah menjadi satu keperluan dan mempunyai kepentingan dalam kalangan masyarakat yang mengamalkan penyusuan anak susuan. Hal ini demikian kerana, ianya memberi impak kepada masalah umum iaitu bagi mendokumentasikan anak susuan dan menstabilkan lagi kesejahteraan serta keharmonian hidup masyarakat dalam institusi kekeluargaan Islam.

Kesimpulan

Penyusuan anak susuan bukanlah sesuatu yang baru, tetapi telah lama diamalkan. Namun, yang menjadi kekusaran dan kebimbangan adalah kesan yang berlaku sekiranya tidak ada sebarang dokumentasi dibuat boleh menyebabkan kecelaruan di dalam sesebuah keluarga. Isu penyusuan anak susuan ini telah menemukan beberapa dapatan antaranya peranan kerajaan dalam memudahcarakan dokumentasi penyusuan anak susuan kepada masyarakat dan pengkaji dapat mengetahui senario pendokumentasian secara tidak rasmi oleh masyarakat yang telah mengamalkan amalan penyusuan ibu susuan. Secara umumnya, masyarakat Islam di Terengganu mempunyai kesedaran dalam membuat dokumentasi secara peribadi bagi memudahkan sebarang permasalahan pada masa akan datang. Masyarakat juga menyokong jika terdapat pendokumentasian secara rasmi dilakukan oleh pihak berkuasa dalam bagi menjamin hak dan kemaslahatan masyarakat Islam pada masa akan datang.

Penghargaan

Sekalung penghargaan kepada Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) atas kelulusan Skim Geran Penyelidikan Fundamental (FRGS) 1/2018 dengan tajuk Pembinaan Model Pengurusan Persijilan Dan Dokumentasi Anak Susuan Patuh Syariah melalui Research Management, Innovation & Commercialization Centre (RMIC) Universiti Sultan Zainal Abidin, UniSZA.

Rujukan

- Bernama (2018). Selangor negeri pertama laksanakan khidmat daftar ibu-anak susuan. www.bernama.com/bm/news.php?id=1666635. Dicapai pada 21 Oktober 2019.
- Danial Zainal Abidin. (2014). *Qur'an Saitifik: Meneroka Kecemerlangan Qur'an daripada Teropong Sains*. Kuala Lumpur: PTS Millenia
- Ermizi Muhamad. (2017). 'Kad Susuan' kaedah tangani perkahwinan tidak sah. <https://selangorkini.my/2017/08/kad-susuan-kaedah-tangani-perkahwinan-tidak-sah/>. Dicapai pada 21 Oktober 2019.
- Hidayah Mohammad, (2018). Pangkalan data ibu dan anak susuan. www.bhplus.com.my/wanita/keluarga/2018/09/474295/pangkalan-data-ibu-dan-anak-susuan. Dicapai pada 21 Oktober 2019.
- Intan Mas Ayu Shahimi (2019). Pejuang penyusuan badan | Harian Metro. <https://www.hmetro.com.my/hati/2019/05/454097/pejuang-penyusuan-badan>. Dicapai pada 21 Oktober 2019.
- Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM) (2012). Wanita Menyusukan Anak Angkat Dengan Penggunaan Ubat Atau Suntikan Untuk Merangsang Pengeluaran Susu Badan. e-smaf.islam.gov.my/e-smaf/index.php/main/mainv1/fatwa/pr/15944. Dicapai pada 16 oktober 2019.
- Laman Sesawang World Health Organization. (2018). Health Topics: Breastfeeding. <http://www.who.int/topics/breastfeeding/en/>. Dicapai pada 21 Oktober 2019.
- Maria Quigley & Nicholas D Embleton. (2019). Susu formula berbanding susu badan penderma bagi penyusuan bayi pramatang atau bayi yang mempunyai berat badan yang rendah. <https://www.cochranelibrary.com/cdsr/doi/10.1002/14651858.CD002971.pub5/full/ms#CD002971-abs-0004>. Dicapai pada 21 Oktober 2019.
- Nanang Rokhman Saleh. (2012). Laktasi dalam perspektif al-Qur'an: sebuah kajian tafsir tematik. *Journal of Health Science* 5(2). Surabaya: Stikes Yarsis
- Noraida Ramli, Nor Roshidah Ibrahim, Van Rostenberghe Han. (2010). Human milk banks –the benefits and issues in an Islamic setting. *Eastern Journal of Medicine* 15. 163 –167. Turki: Yuzuncu Yil University
- Normadiyah Daud, Zuliza Mohd Kusrin, Salasiah Hanin Hamjah & Anwar Fakhri Omar (2012). Penyusuan dan Bank Susu Menurut Islam. *Breastfeeding and Milk Bank According to Islam. ISLAMIIYYAT* 34 (2012): 107 – 118

- Normadiyah Daud, Nadhirah Nordin & Mariam nabilah Mohd Noor (2015). Kefahaman ahli akademik ipta kuala terengganu terhadap konsep penyusuan susu ibu menurut perspektif islam. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari*. ISSN 2289 6325 Bil. 10 2015
- Norita Kamaruddin, Nurhayati Abd. Ghani, Nora'inan Bahari, Zanariah Dimon, dan Wan Muhammad Akhyar Ab Shatar (2017). Kesedaran Masyarakat Islam Berkaitan Hukum Penyusuan Sebagai Hak Dan Kewajipan Ibu. *Proceeding of 2nd International Conference on Law, Economics and Education (ICONLEE) | eISBN: 978-967-2122-17-3. 13th -14th December 2017, Grand Bluewave Hotel Shah Alam, Malaysia.*
- Nurhayati Abdul Ghani, Norita Kamaruddin, Nora'inan Bahari, Zanariah Dimon. (2017). Isu Berkaitan Hukum Penyusuan Dalam Islam: Satu Sorotan Literatur. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)*. 876-885
- Ruwaida. (2018). JAIS perkenal kad daftar ibu-anak susuan | *Harian Metro*. <https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2018/11/396625/jais-perkenal-kad-daftar-ibu-anak-susuan>. Dicapai pada 16 oktober 2019.
- Siti Fatimah Saleh, Normadiyah Daud dan Saadan Man. (2014). Amalan Pengambilan Ibu Susuan: Satu Kajian sorotan Terhadap Dokumentasi Bukti Penyusuan. *Jurnal Pengurusan dan Penyelidikan Fatwa*.
- Siti Fatimah (2015). Pengambilkiraan Faktor Perubahan Sosial Dalam Fiqh Semasa: Analisis Terhadap Isu-Isu Fiqh Wanita. Tesis Ijazah Doktor Falsafah. Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya, Kuala Lumpur
- Siti Fatimah et.al, (2015). Pengambilan suntikan hormon sintetik dalam penyusuan: dirasah ta'siliyyah. *Jurnal Islam dan Masyarakat Kontemporari Bil. 9 Januari 2015*.
- Siti Fatimah & Halimatus Saadiah. (2017). *Proceedings International Seminar on Islamic Jurisprudence in Contemporary Society 2017 (ISLAC 2017) 4th – 5th March 2017*. ISBN : 978-967-0899-57-2, 28-37
- Siti Fatimah. (2019). *Fiqh Wanita Semasa*. Dewan Bahasa dan Pustaka, Kuala Lumpur.
- Siti Rohana. 2019. Farah Hanis ada lima 'ibu' | *Nasional | Berita Harian*. www.bhplus.com.my/berita/nasional/2019/08/599983/farah-hanis-ada-lima-ibu. Dicapai pada 21 Oktober 2019.
- Suraya Roslan & Mahaizura Abd Malik, (2019). 'Janji niat kami baik'. <https://www.hmetro.com.my/utama/2018/03/317761/janji-niat-kami-baik>. Dicapai pada 16 oktober 2019.
- Taqwa Zabidi. (2012). Penubuhan Bank Susu Ibu di Malaysia: Satu Analisis Hukum. *Jurnal Penyelidikan Islam* 25: 169-193.
- Zanariah Dimon, Nora'inan Bahari, Norita Kamaruddin, Nurhayati Abd. Ghani, (2017). Kesedaran Masyarakat Islam Terhadap Konsep Penyusuan Susu Ibu Menurut Perspektif Islam: Satu Kajian Rintis. *Persidangan Antarabangsa Pengajian Islamiyyat Kali Ke-3 (IRSYAD2017)* 72-83
- Zulkifli Mohamad Al-Bakri (2016). Bayan Linnas Siri Ke-70: Isu Berkenaan Ibu Susuan & Pelbagai Hukum (Kad Atau Sijil Susuan). 1138-bayan-linnas-siri-70-isu-berkenaan-ibu-susuanpelbagai-hukum-kad-atau-sijil susuan). Dicapai pada 21 Oktober 2019.